



JABATAN PERKHIDMATAN AWAM MALAYSIA
BAHAGIAN PEMBANGUNAN ORGANISASI
Aras 7-8, Blok C2, Kompleks C
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62510 W.P. PUTRAJAYA
MALAYSIA
Tel. : 03-88854000
Faks : 03-88892212/88892215/88892216
03-88894516
Web : <http://www.jpa.gov.my>



Pemenang
Anugerah Perdana
Teknologi
Maklumat 2006


Ruj. Kami : JPA(BPO)(S)256/21/3-2 Klt. 27(2)
Tarikh : 10 Februari 2009

Setiausaha Agung
Kesatuan Perkhidmatan Perguruan Kebangsaan Malaysia
13&15, Jalan Murai Dua
Kompleks Batu Off Jalan Ipoh
51100 KUALA LUMPUR
(u.p: Puan Lok Yim Pheng)



Puan,

PENJELASAN MENGENAI ELAUN KRITIKAL



Dengan hormatnya saya diarah merujuk kepada surat puan bil. (33)dlm.KPPK(IP)PP5/(05-08)/(22) bertarikh 30 Disember 2008 mengenai perkara di atas.

2. Untuk makluman, mengikut Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 9 Tahun 1991, Bayaran Insentif Perkhidmatan Kritikal (BIPK) hanya diberikan kepada **Pegawai Perkhidmatan Pendidikan (PPP) (kejuruteraan dan ketukangan) di politeknik dan sekolah vokasional sahaja**. Walau bagaimanapun, melalui surat JPA bil. JPA(S)253/21/3 Klt.6(28) bertarikh 20 Julai 1994 pemberian BIPK turut **dipanjangkan** kepada Pegawai Perkhidmatan Pendidikan Siswazah (PPPS) (kejuruteraan dan ketukangan) dan Pegawai Perkhidmatan Pendidikan Lepasan Diploma (PPPLD) (kejuruteraan dan ketukangan) yang berkhidmat di lokasi-lokasi berikut:

a. **Bahagian Pendidikan Teknik dan Vokasional (BPTV)**

- i. PPP di BPTV;
- ii. Pengetua di Sekolah Menengah Vokasional;
- iii. Pengetua, PPP Siswazah dan PPP Bukan Siswazah di Sekolah Menengah Teknik; dan
- iv. Pengetua, Timbalan Pengetua/ Ketua Bahagian di Politeknik.

b. **Bahagian Pendidikan Guru**

PPP (bidang kejuruteraan/ ketukangan) yang bertugas di Bahagian Pendidikan Guru/ Maktab Perguruan serta PPP yang mengajar subjek Kemahiran Hidup di Maktab-maktab Perguruan.

(Sila catatkan rujukan Jabatan ini apabila berhubung)
"JPA PENERAJU PERKHIDMATAN AWAM"

c. Lembaga Peperiksaan Malaysia (LPM)

PPP di Unit Teknik dan Vokasional.


3. Berhubung pemberhentian pemberian BIPK kepada PPPS dan PPPLD bidang kejuruteraan/ ketukangan di LPM, perkara ini tidak sewajarnya berlaku kerana Surat Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 17 Tahun 2007 dan surat edaran bil. JPA(BPO)(S)256/21/3-2 Klt.24(6) bertarikh 20 Mei 2008 memperuntuk bahawa semua PPPS dan PPPLD bidang kejuruteraan dan ketukangan yang memenuhi kesemua syarat pemberian BIPK adalah layak diberi BIPK **tanpa mengambil kira lokasi pegawai berkhidmat** dan tidak lagi dihadkan kepada lokasi-lokasi tertentu seperti yang digariskan oleh surat JPA bil. JPA(S)253/21/3 Klt.6(28) bertarikh 20 Julai 1994.

4. Merujuk kepada isu syarat peruntukan waktu minimum mengajar sekurang-sekurangnya 15 waktu seminggu bagi melayakkan PPPS dan PPPLD diberi BIPK, penetapan syarat ini adalah **selari dengan syarat dalam pemberian Bayaran Insentif Subjek Pendidikan (BISP)** seperti di bawah Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 15 Tahun 2002 (PP 15/ 2002). Walau bagaimanapun, bagi tempoh interim pelaksanaan BISP, penetapan syarat peruntukan waktu minimum mengajar adalah berpandukan kepada Peraturan-Peraturan Pendidikan (Kurikulum Kebangsaan) 1997 P.U.(A)531/1997, Surat Pekeliling Ikhtisas Bil. 17/ 1988 bertarikh 24 November 1988, Surat Pekeliling Ikhtisas Bil. 8/ 1990 bertarikh 15 Disember 1990, Surat Pekeliling Ikhtisas Bil. 2/ 2000 bertarikh 9 Februari 2000, Surat Pekeliling Ikhtisas Bil. 11/ 2002 bertarikh 27 November 2002 dan Surat Pekeliling Ikhtisas Bil. 12/ 2002 bertarikh 27 November 2002. Pemberian BIPK tidak tertakluk kepada Surat-Surat Pekeliling Ikhtisas tersebut kerana telah dilaksanakan sejak 17 tahun yang lalu. Untuk makluman puan, Kementerian Pelajaran Malaysia juga sedang mengambil tindakan ke arah **mencapai dan melaksanakan** peruntukan waktu minimum pengajaran seminggu seperti yang ditetapkan di bawah PP 15/ 2002 bagi pemberian BISP.

Sekian, terima kasih.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menurut perintah,



(RAJA NOOR ZAEDAH BINTI RAJA AHMAD)
Bahagian Pembangunan Organisasi
b.p. Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam
Malaysia

tel : 03-8885 4080
fax : zaedah@jpa.gov.my